



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **MEMACU KECENDEKIAAN (*INTELLIGENCE*) DALAM MASYARAKAT**

Kita sedang berhadapan dengan pelbagai perkembangan global yang turut dirasai masyarakat negara ini. Contohnya, ialah dunia tanpa sempadan, budaya dan ekonomi digital, serta peluang-peluang dan cabaran-cabaran yang datang bersama-sama dengannya. Sifat ekonomi semasa adalah global dan *intangible* serta bergantung kepada inovasi idea, maklumat dan perhubungan antara manusia yang berpaksi pada jaringan elektronik yang luas. Dalam konteks ini, komunikasi bukan lagi sekadar suatu sektor. Komunikasi adalah ekonomi. Inilah sebabnya mengapa kita perlu memacu kecendekiaan (*intelligence*) dalam masyarakat.

Saya memperkenalkan matlamat baru kementerian ini, iaitu memacu kecendekiaan dalam masyarakat. Kecendekiaan bermaksud masyarakat yang mampu memperoleh dan memanfaatkan ilmu dan kemahiran. Inilah maksud visi kementerian ini, iaitu melahirkan masyarakat terhubung, berinformasi, kreatif dan berbudaya digital. Semua ini harus selaras dengan matlamat-matlamat utama negara, contohnya, membina kehidupan damai dalam kepelbagaian; membangun masyarakat berbudaya ilmu dan saintifik; memartabatkan bahasa kebangsaan; menikmati kemakmuran ekonomi yang dikongsi bersama; dan anggota warga dunia yang aktif dan berdaya saing. Manakala segala undang-undang, dasar dan program kementerian adalah wahana untuk mencapai matlamat tersebut.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, saya akan menggunakan pendekatan partisipatori yang melibatkan kerajaan, perniagaan dan masyarakat sivil. Oleh itu, saya akan menubuhkan sebuah Majlis Perundingan Komunikasi dan Multimedia yang

dianggotai pelbagai pemegang taruh yang berkaitan dengan undang-undang, dasar-dasar dan program-program kementerian.

Umumnya, saya akan meneruskan dasar-dasar dan program-program yang telah dilaksanakan/sedang dirangka bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Di samping itu, beberapa penambahbaikan atau pendekatan baharu akan juga dilaksanakan.

Pada masa yang sama, misi kementerian yang sedia ada akan diteruskan, iaitu, pertama, pengukuhan masyarakat yang bermaklumat, terhubung dan berdaya maju menerusi penerangan, penyiaran dan informasi yang berkualiti, berkesan dan berintegriti; dan kedua, memperkasa jaringan dan infrastruktur telekomunikasi digital dan komunikasi sosial serta memacu pertumbuhan ekonomi digital selain terus komited dalam mengembangkan industri kreatif negara.

Kami juga akan menumpukan kepada usaha-usaha meningkatkan akses, peluang dan dividen digital untuk semua lapisan masyarakat, dan memastikan tiada yang terpinggir; mendokong kebebasan media tanpa berkompromi terhadap berita palsu; dan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dari ancaman siber.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**12 Mac 2020**

